

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB (“Program”)

Untuk individu golongan B40 dan pelanggan yang berdaftar dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (“BSH”) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPN)

23 April 2021

No.	Soalan	Jawapan
1	Bagaimanakah CIMB akan menolong pelanggannya?	<p>Program moratorium automatik 6 bulan telah berakhir pada 30 September 2020. Kami telah beralih ke pendekatan bantuan pembayaran yang bersasar untuk memberi pilihan bantuan kepada pelanggan yang paling terkesan.</p> <p>Susulan daripada pengumuman oleh Menteri Kewangan Malaysia semasa ucapan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020, kami akan memperluaskan bantuan bayaran bersasar kepada individu golongan B40 dan Perusahaan Mikro, iaitu Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB.</p> <p>Kami menggalakkan pelanggan yang bukan dari golongan B40, yang sedang menghadapi kesukaran kewangan dalam membayar balik pinjaman/pembiayaan mereka, untuk menghubungi kami.</p>
2	Siapakah yang layak menyertai Program ini?	<p>Program ini terbuka untuk pelanggan yang dikategorikan sebagai B40 dan berdaftar dalam program Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPN) dan memenuhi kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Isi rumah B40 (dengan pendapatan bulanan yang kurang daripada atau sama dengan RM4,000); atau ii. B40 bujang (dengan pendapatan sebulan kurang daripada atau sama dengan RM2,000). iii. Pinjaman/Pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari setakat tarikh permohonan. iv. Pinjaman/Pembiayaan adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.
3	Kemudahan pinjaman/pembiayaan yang manakah layak untuk penyertaan di bawah Program ini?	<p>Kemudahan yang layak yang telah diluluskan sebelum 1 Oktober 2020:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Perumahan • Pembiayaan Peribadi

		<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Auto • Pembiayaan Berjangka yang telah ditukar dari baki kad kredit di bawah penstrukturan dan penjadualan semula atau Program Bantuan untuk Kad Kredit CIMB (rujuk pengecualian di bawah). • Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera <p>Kemudahan yang tidak layak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program Penukaran Baki untuk Kad Kredit <p><i>Nota: Hanya Pilihan 1 adalah terpakai untuk pembiayaan Hartanah di bawah pelepasan progresif.</i></p>
4	Apakah ciri-ciri Program ini?	<p>Bantuan yang berikut akan diberikan kepada pelanggan/kemudahan yang layak setelah pelanggan berkenaan telah mengesahkan pilihan bantuan yang diperlukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pilihan 1: Penangguhan ansuran bulanan selama 3 bulan. Harap maklum bahawa faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh; atau • Pilihan 2: Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan. Harap maklum bahawa faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh. <p>Bantuan juga disediakan untuk pelanggan yang terkesan yang tidak termasuk di bawah kategori-kategori yang dinyatakan di soalan 2, pada dasar kes demi kes. Kami menggalakkan semua pelanggan tersebut yang sedang menghadapi kesukaran kewangan dalam membayar balik pinjaman/pembiayaan mereka untuk menghubungi kami.</p> <p><i>Nota: Anda hanya boleh memilih satu daripada pilihan di atas dan setelah pilihan telah dibuat, ianya tidak boleh ditukar.</i></p>
5	Bilakah Program ini akan bermula?	<p>Pemilihan bagi pilihan yang tersedia di bawah Program ini boleh dibuat dari 23 November 2020 hingga 30 Jun 2021.</p> <p>Program ini pula akan bermula pada bulan selepas permohonan anda.</p>

6	Bagaimanakah cara memohon untuk Program ini?	Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau ingin memohon untuk Program ini, anda boleh: <ul style="list-style-type: none"> • Kunjungi mana-mana cawangan CIMB, atau • Hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788
7	Perluakah saya mengemukakan sebarang dokumen untuk memohon untuk Program ini?	Tidak perlu.
8	Bolehkah saya memohon untuk program ini sekiranya saya tidak menyertai program moratorium 6 bulan (April hingga September 2020)?	Ya, anda boleh memohon untuk program ini sekiranya memenuhi kriteria kelayakan (rujuk soalan 2).
9	Sekiranya saya pernah memohon untuk program bantuan bayaran CIMB sebelum ini, adakah saya masih layak untuk memohon untuk Program ini?	Ya, anda boleh memohon untuk program ini sekiranya memenuhi kriteria kelayakan. Rujuk soalan 2. Jika anda sekarang telah berdaftar di bawah mana-mana program bantuan bayaran, anda boleh memohon untuk Program ini setelah program anda yang sedia ada telah berakhir dan anda memenuhi kriteria kelayakan dalam tempoh Program ini.
10	Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu program pada masa yang sama?	Anda hanya dibenarkan untuk menyertai satu program pada satu masa (rujuk soalan 9).
11	Pasangan saya tergolong sebagai B40 tetapi saya bukan golongan B40, adakah kemudahan bersama kami layak menyertai Program ini?	Ya, sila hubungi kami untuk memohon (rujuk soalan 6).
12	Saya mempunyai lebih daripada satu produk pinjaman/pembiayaan CIMB, adakah Program ini terpakai kepada semua pinjaman/pembiayaan atau yang terpilih sahaja?	Kami memerlukan anda untuk memberitahu kami pinjaman/pembiayaan yang manakah di mana anda perlukan bantuan.
13	Untuk Pilihan 1 dan Pilihan 2, adakah pilihan berkaitan dengan status pekerjaan, (iaitu kehilangan pekerjaan atau pengurangan pendapatan)	Anda boleh memohon untuk Program ini jika anda memenuhi kriteria kelayakan (rujuk soalan 2). Tiada jangkaan ke atas pelanggan yang layak untuk mengisytiharkan sebarang kehilangan pekerjaan atau pengurangan pendapatan.

14	Saya mempunyai bayaran bulanan sebanyak 1 bulan yang belum dibayar, bolehkah saya memohon untuk Program ini?	Ya, anda boleh memohon untuk Program ini jika anda memenuhi kriteria kelayakan (rujuk soalan 2).
15	Bagaimana pula dengan potongan bayaran automatik atau arahan tetap saya?	<p>Jika terdapat arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemaskini arahan tetap anda sewajarnya dengan Bank yang demikian.</p> <p>Jika anda mempunyai potongan bayaran automatik, ianya akan dikemaskini mengikut pilihan yang dibuat melainkan jika diberitahu oleh pihak Bank.</p>
16	Jika saya bukan golongan B40, bolehkah saya memohon untuk Program ini?	<p>Tidak, tetapi anda boleh memohon untuk Program Bantuan Bayaran Bersasar CIMB.</p> <p>Untuk maklumat lanjut dan untuk memohon:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layari www.cimb.com/covid19support; • Kunjungi mana-mana cawangan CIMB; • Hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788; • Emel kami di covidcare@cimb.com
17	Adakah ianya lebih baik atau tidak jika saya menyertai Program ini?	Kami inginkan anda untuk membuat keputusan yang tepat. Kami telah menyenaraikan semua pertimbangan dalam Jadual A-D.
18	Jika situasi kewangan saya bertambah baik, adakah saya dibenarkan untuk menyambung pembayaran bulanan saya semula seperti biasa?	<p>Ya, pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi kami (rujuk soalan 16) secepat mungkin sekiranya situasi kewangan mereka bertambah baik supaya boleh menyambung pembayaran bulanan mereka semula seperti biasa.</p> <p>Ini akan membantu pelanggan mengurangkan kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan.</p>
19	Apa yang akan berlaku sekiranya saya sudah mempunyai perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Harta / Auto / Peribadi / Pembiayaan ASB saya?	<p>Tempoh perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Harta / Auto / Peribadi / Pembiayaan ASB anda tidak akan berubah, walaupun anda menyertai pelbagai bentuk program bantuan.</p> <p>Tidak ada lanjutan automatik untuk jangka masa perlindungan Insurans / Takaful anda berikutan lanjutan tempoh pinjaman / pembiayaan anda kerana ini hanyalah program bantuan (jika ada).</p>

		<p>Anda boleh memohon untuk memanjangkan tempoh perlindungan sejajar dengan jangka masa pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan dengan:</p> <p>Pilihan 1: Mengunjungi mana-mana cawangan CIMB kami atau Wakil Jualan Bergerak - Pusat Jualan Runcit & Perusahaan (MSF RED) atau</p> <p>Pilihan 2: Hubungi Pusat Perhubungan kami di talian 03-6204 7788</p> <p>Sila hubungi syarikat perlindungan Insurans / Takaful masing-masing jika anda tidak memperolehnya dari CIMB.</p>
20	<p>Sekiranya saya ingin melanjutkan tempoh perlindungan Insurans / Takaful, adakah bayaran ansuran pinjaman / pembiayaan bulanan saya akan meningkat?</p>	<p>Tidak akan ada penambahan pada bayaran ansuran pinjaman / pembiayaan bulanan anda kerana premium / sumbangan anda dibayar secara berasingan terus kepada Syarikat Insurans / Pengendali Takaful.</p>

Jadual A: Pembiayaan Perumahan dan Pembiayaan ASB - Membuat keputusan yang tepat

Pembiayaan Perumahan dan ASB	Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar untuk Golongan B40	
	Penangguhan ansuran selama 3 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Sebagai contoh, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan November, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Disember 2020 hingga Februari 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh 3 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama di atas, anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda mulai dari bulan Mac 2021 dan seterusnya.</p>	<p>Pengurangan ansuran sebanyak 50% untuk 6 bulan berikutnya. Sebagai contoh, jika anda memohon untuk program ini pada bulan November, maka ansuran anda dari bulan Disember 2020 hingga Mei 2021 akan dikurangkan sebanyak 50%.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama di atas, jumlah ansuran penuh anda mesti dibuat pada bulan Jun 2021.</p>
Faedah/caj keuntungan yang perlu dibayar	<p>Bahagian faedah/caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan.</p> <p>Pada akhir tempoh 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan sepenuhnya sesuai dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang terdekat.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Sekiranya bayaran bulanan yang dikurangkan selama 6 bulan ini tidak dapat membayar untuk faedah/caj keuntungan sepenuhnya setiap bulan, jumlah faedah/caj keuntungan yang belum dibayar tersebut itu akan terakru.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Bayaran bulanan yang belum dibayar	<p>Jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah/caj keuntungan yang belum dibayar.</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan hartanah di bawah pelepasan progresif, faedah/keuntungan <u>tidak akan</u> dimasukkan ke dalam jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan jumlah</p>	<p>Jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan perkara ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah/caj keuntungan yang belum dibayar.</p>

	tersebut akan perlu dibayar pada bayaran terakhir kemudahan tersebut.	
Lanjutan tempoh	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama.	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 3 bulan. ✓ Jumlah faedah/caj keuntungan anda akan meningkat apabila menyertai program ini. ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama dan anda mungkin perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. 	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar jumlah yang telah dikurangkan.</p> <p>Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang oleh sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Untuk 6 bulan yang berikut, bayaran anda yang telah dikurangkan akan digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan, meninggalkan jumlah yang lebih kecil untuk mengurangkan jumlah pokok anda. ✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah/caj keuntungan akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan secara bulanan. ✓ Sekiranya anda menyertai program ini, jumlah pokok akan dikurangkan secara minimum, dan akan menyebabkan elemen faedah/caj keuntungan bagi pinjaman/pembiayaan anda menjadi lebih tinggi. ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama dan anda mungkin perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.

Jadual B: Pembiayaan Peribadi - Membuat keputusan yang tepat

Jenis Pinjaman/ Pembiayaan Peribadi	Pinjaman Cash Plus / Pinjaman Xpress Cash (Konvensional)		Pembiayaan Cash Plus / Pembiayaan Xpress Cash (Islamik)	
	Tawaran Program	Penangguhan ansuran selama 3 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan	Penangguhan ansuran selama 3 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Februari 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 3 bulan tersebut berakhir (contohnya: March 2021).</p>	<p>Pengurangan ansuran sebanyak 50% untuk 6 bulan berikutnya. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Mei 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran penuh setelah program ini berakhir (contohnya: Jun 2021).</p>	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Februari 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 3 bulan tersebut berakhir (contohnya: Mac 2021).</p>	<p>Pengurangan ansuran sebanyak 50% untuk 6 bulan berikutnya. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Mei 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran penuh setelah program ini berakhir (contohnya: Jun 2021).</p>
Faedah/ Caj keuntungan yang perlu dibayar	<p>Bahagian faedah akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan.</p> <p>Pada akhir tempoh 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan digunakan terlebih dahulu untuk membayar faedah/caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bahagian caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan. Walau bagaimanapun, TIADA caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan sepanjang tempoh tersebut</p> <p>Pada akhir 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan digunakan terlebih dahulu untuk membayar faedah/caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>

Tempoh	Tempoh pinjaman anda akan kekal sama. Bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.	Tempoh pinjaman anda akan kekal sama. Bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.	Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi.	Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 3 bulan. ✓ Jumlah faedah anda akan meningkat kerana anda menyertai program ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana anda akan membayar jumlah yang telah dikurangkan. ✓ Untuk 6 bulan yang berikut, bayaran anda yang telah dikurangkan akan digunakan untuk membayar faedah, meninggalkan jumlah yang lebih kecil untuk mengurangkan jumlah pokok anda ✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan secara bulanan. ✓ Sekiranya anda menyertai program ini, jumlah pokok akan dikurangkan secara minimum, dan akan menyebabkan elemen faedah 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bayaran anda akan bersambung semula setelah tempoh penangguhan ansuran selama 3 bulan tersebut berakhir. ✓ Tarikh tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda membayar jumlah yang telah dikurangkan. ✓ Untuk 6 bulan yang berikut, bayaran anda yang telah dikurangkan akan digunakan untuk membayar caj keuntungan, meninggalkan jumlah yang lebih kecil untuk mengurangkan jumlah pokok anda dan anda akan membayar untuk tempoh yang lebih lama. ✓ Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan.

		bagi pinjaman anda menjadi lebih tinggi.	
--	--	--	--

Jadual C: Pembiayaan Auto - Membuat keputusan yang tepat

Jenis Pembiayaan Auto	Penangguhan ansuran selama 3 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Februari 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 3 bulan tersebut berakhir (contohnya: March 2021).</p>	<p>Pengurangan ansuran sebanyak 50% untuk 6 bulan berikutnya. Contohnya, dari bulan Disember 2020 hingga Mei 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran penuh setelah program ini berakhir (contohnya: Jun 2021).</p>
Faedah / caj keuntungan (“Caj-Caj Terma”) yang perlu dibayar	<p>i. Untuk Kadar Tetap: Tiada faedah/caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan.</p> <p>ii. Untuk Kadar Boleh Ubah: Faedah/Caj keuntungan akan terus terakru dalam tempoh penangguhan ansuran 3 bulan (contohnya dari Disember 2020 hingga Februari 2021). Ianya akan perlu dibayar setelah penyelesaian akaun Pembiayaan Auto, di mana jumlahnya tidak akan melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli.</p>	<p>i. Untuk Kadar Tetap: Tiada faedah/caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan.</p> <p>ii. Untuk Kadar Boleh Ubah: Faedah/Caj keuntungan akan terus terakru semasa tempoh pengurangan pembayaran 6 bulan. Ianya akan perlu dibayar setelah penyelesaian akaun Pembiayaan Auto, di mana jumlahnya tidak akan melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membuat bayaran bulanan penuh selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Tempoh	Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi.	Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi. ✓ Bayaran anda akan bermula setelah tempoh penangguhan ansuran 3 bulan berakhir (contohnya Mac 2021). 	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana anda membayar jumlah yang telah dikurangkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi. ✓ Bayaran penuh anda akan bermula setelah tempoh pengurangan bayaran 6 bulan berakhir.

Jadual D: Pinjaman/Pembiayaan Berjangka yang ditukar dari baki kad kredit kecuai Program Penukaran Baki - Membuat keputusan yang tepat

Pinjaman/ Pembiayaan Berjangka yang Ditukar dari Baki Kad Kredit	Penangguhan ansuran selama 3 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, dari Disember 2020 hingga Februari 2021.</p> <p>Hanya terpakai kepada pinjaman/pembiayaan berjangka yang ditukar di bawah penstrukturan & penjadualan semula atau Program Bantuan Kad Kredit CIMB untuk Kad Kredit (kecuali semua Program Penukaran Baki).</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran selepas tempoh penangguhan ansuran 3 bulan berakhir (contohnya Mac 2021). Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bayaran bulanan yang dikurangkan yang akan dibayar dalam tempoh pengurangan 6 bulan (contohnya dari Disember 2020 hingga Mei 2021) akan digunakan terlebih dahulu untuk membayar faedah untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Hanya terpakai kepada pinjaman/pembiayaan berjangka yang ditukar di bawah penstrukturan & penjadualan semula atau Program Bantuan Kad Kredit CIMB untuk Kad Kredit (kecuali semua Program Penukaran Baki).</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membuat bayaran bulanan penuh selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Faedah/Caj kemudahan yang perlu dibayar	<p>Untuk Pinjaman Berjangka, jumlah kos pembiayaan anda akan menjadi lebih tinggi. Faedah akan terus dikenakan pada baki belum jelas terkini dalam tempoh penangguhan ansuran 3 bulan tersebut.</p> <p>Untuk Pembiayaan Berjangka Islamik, tiada caj kemudahan tambahan.</p>	<p>Untuk Pinjaman Berjangka, jumlah kos pembiayaan anda akan menjadi lebih tinggi. Faedah akan terus dikenakan pada baki belum jelas terkini dalam tempoh pengurangan ansuran 6 bulan tersebut.</p> <p>Untuk Pembiayaan Berjangka Islamik, tiada caj kemudahan tambahan.</p>
Tempoh	Tempoh pinjaman/pembiayaan berjangka anda akan dilanjutkan selama sekurang-kurangnya 3 bulan.	Tempoh pinjaman/pembiayaan berjangka anda akan dilanjutkan selama sekurang-kurangnya 3 bulan.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa pendek, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 3 bulan. ✓ Untuk Pinjaman Berjangka, faedah akan terus dikenakan pada baki belum jelas terkini, dan oleh itu jumlah faedah akan menjadi lebih tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa pendek anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana anda akan membayar jumlah yang telah dikurangkan selama 6 bulan. ✓ Untuk Pinjaman Berjangka, faedah akan terus dikenakan pada baki belum jelas terkini, dan oleh itu jumlah faedah akan menjadi lebih tinggi. ✓ Untuk Pembiayaan Berjangka Islam-i, tiada caj kemudahan tambahan.

	<ul style="list-style-type: none">✓ Untuk Pembiayaan Islamik Berjangka-i, tiada caj kemudahan tambahan.✓ Bayaran anda akan bersambung semula setelah tempoh penangguhan ansuran 3 bulan berakhir.✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan berjangka anda akan dilanjutkan selama sekurang-kurangnya 3 bulan.	<ul style="list-style-type: none">✓ Bayaran ansuran bulanan asal anda akan bersambung pada akhir tempoh pengurangan ansuran 6 bulan.✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan selama sekurang-kurangnya 3 bulan.
--	--	--